

PERKEMBANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani @ Ahmad & Hakim Zainal

ABSTRAK

Universiti Malaysia Sabah merupakan institusi pengajian tinggi pertama di negeri Sabah yang ditubuhkan pada tahun 1994. Antara objektif yang disasarkan ialah penganjuran program-program pengajaran dan penyelidikan yang berkualiti serta relevan kepada masyarakat dan negara. Penawaran kursus bahasa Arab sebagai bahasa Asing ditawarkan secara elektif untuk pelajar program pra siswazah dalam berbagai-bagai aliran bidang pengajian. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ditempatkan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa yang berfungsi untuk mempromosikan pelbagai disiplin ilmu teras dan wajib universiti. Kajian ini bertujuan membincangkan perkembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Dapatan mendapati kajian berkaitan sejarah perkembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Universiti Malaysia Sabah kurang mendapat tumpuan dalam kalangan pengkaji bahasa Arab. Kajian ini diharap dapat menambah pengetahuan masyarakat umum mengenai sejarah perkembangan bahasa Arab di Universiti Malaysia Sabah. Penulisan ini menyarankan agar kajian lanjut dilakukan bagi mengupas tentang isu-isu perkembangan pedagogi bahasa Arab di Sabah yang kurang diketengahkan dalam kajian semasa.

Kata kunci: *Universiti Malaysia Sabah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, bahasa Arab, pengajaran dan pembelajaran*

PENGENALAN

Bahasa adalah alat komunikasi manusia. Kepelbagaian bahasa di dunia memungkinkan masyarakat dunia mengenal antara satu sama lain. Melalui bahasa juga manusia diangkat menjadi seorang yang berilmu, bertamadun dan beragama. Bahasa Arab misalnya, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai bahasa pengantara wahyu. Bahasa Arab berkembang melalui ajaran Islam dan dijadikan sebagai medium penyampaian ilmu. Keunikan dan keindahan gaya bahasa Arab terbukti melalui penurunan ayat-ayat suci al-Qur'an yang mengandungi pedoman untuk manusia sekalian alam. Atas faktor inilah bahasa Arab dianggap istimewa dan berbanding bahasa lain di dunia. Oleh itu, tidak keterlaluan sekiranya dikatakan perkembangan bahasa Arab selari dengan kedatangan Islam. Bahasa Arab menjadi bahasa utama untuk merujuk dan memahami al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah s.w.t yang bermaksud, "*Sesungguhnya Kami*

menurunkan al Quran dalam bahasa Arab, agar kamu memahaminya” (Surah Yusuf 12:2).

Bahasa Arab dipelajari oleh masyarakat Islam secara tidak langsung dalam urusan yang berkaitan dengan ibadah. Penggunaan bahasa Arab jelas berlaku khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan solat, doa, wirid, pengajian al-Quran dan sebagainya. Kajian Suhaila & Nur Afifah (2014) membuktikan bahawa penguasaan bahasa Arab dapat membantu individu muslim dalam pelaksanaan amal ibadah dalam Islam. Pengetahuan bahasa Arab amat penting khususnya dalam merujuk sumber utama perundangan Islam dan memahami inti pati kandungannya. Penguasaan ilmu bahasa Arab dapat memantapkan kualiti ibadah dan penghayatan Islam seseorang muslim. Di samping itu, penyebaran bahasa Arab juga berjalan secara tidak langsung dalam aktiviti dakwah Islam yang melibatkan pengisian kursus fardu ain dan fardu kifayah kepada golongan muallaf (Hakim et al. 2016). Situasi ini menunjukkan betapa eratnya perkaitan di antara bahasa Arab dengan ajaran Islam.

Pembelajaran bahasa Arab diperkenalkan sejak daripada peringkat awal persekolahan di tadika, di sekolah rendah melalui program j-QAF, peringkat pertengahan di sekolah menengah dan di peringkat yang lebih tinggi seperti di institusi-institusi pengajian tinggi di universiti dan kolej. Subjek bahasa Arab diwujudkan dalam silibus pengajaran dan pembelajaran adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar pengetahuan bahasa asing selain daripada mempelajari bahasa natif iaitu bahasa Melayu. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga memberi fokus kepada kemahiran berkomunikasi yang berteraskan kepada empat kemahiran, sistem suara dan kaedah bahasa (Rosni 2009).

PUSAT PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Kursus bahasa Arab ditawarkan di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Pengajian bahasa Arab diajar sama ada melalui pusat bahasa atau di fakulti. Begitu juga halnya dengan pengajaran bahasa Arab di Universiti Malaysia Sabah. Kursus bahasa Arab diajar di sebuah pusat yang dikenali dengan Pusat Penataran Ilmu dan bahasa (PPIB). Pusat ini menawarkan subjek-subjek teras dan wajib universiti antaranya, termasuklah Hubungan Etnik, Tamadun Islam di Asia Tenggara (TITAS), asas pembudayaan keusahawanan, bahasa-bahasa asing dan tempatan.

Pusat Penataran Ilmu dan bahasa (PPIB) ditubuhkan pada penghujung tahun 1994. Matlamat penubuhan Pusat Penataran Ilmu dan bahasa (PPIB) adalah untuk melahirkan graduan yang berupaya menerapkan nilai-nilai keinsanan dalam menghadapi cabaran semasa di peringkat nasional dan antarabangsa. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa tidak

menawarkan sebarang program prasiswazah tetapi hanya berperanan sebagai pusat perkhidmatan (*service centre*) bagi kesemua pelajar mengambil subjek-subjek teras universiti (Andreas 2010). Pusat ini menawarkan kursus-kursus relevan yang dapat meningkatkan intelektual, kemahiran insaniah dan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan mahasiswa.

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa cawangan induk bagi Kota Kinabalu ini melebarkan perkhidmatannya kepada ribuan pelajar bagi kampus Sandakan dan Kampus Antarabangsa Labuan pada setiap semester. Terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu gugusan wajib universiti, gugusan pengajian liberal dan gugusan bahasa-bahasa. Gugusan bahasa-bahasa menawarkan kursus bahasa asing seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Korea, bahasa Jepun, bahasa Tamil dan bahasa Sepanyol. Manakala, kursus bahasa tempatan pula menawarkan dalam satu bahasa sahaja iaitu Kadazan Dusun (bahasa etnik Sabah). Kursus bahasa Arab Bahasa Arab mula diperkenalkan sekitar tahun 1997 (Saini 2010). Bahasa Arab merupakan kursus elektif yang ditawarkan dalam gugusan bahasa asing dan tempatan kepada pelajar program prasiswazah. Walau bagaimanapun, penawaran program bahasa Arab khusus bagi pelajar prasiswazah masih belum ada di peringkat fakulti. Meskipun begitu, pengkhususan dalam bidang pengajian bahasa Arab telah diwujudkan bagi program sarjana dan doktor falsafah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB).

PENAWARAN KURSUS BAHASA ARAB

Subjek bahasa Arab yang ditawarkan kepada pelajar program prasiswazah terbahagi kepada dua peringkat iaitu asas dan lanjutan. Terdapat syarat khas yang perlu dipertimbangkan sebelum mendaftar kursus bahasa Arab. Pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab bukanlah daripada penutur asli bahasa Arab. Pelajar yang ingin mendaftar kursus bahasa Arab atau bahasa asing yang lain mempunyai tahap pencapaian MUET skor 3, 4, 5 dan 6. Manakala, syarat kelayakan untuk mengikuti kursus bahasa Arab di peringkat lanjutan hendaklah lulus mata pelajaran tersebut pada peringkat SPM dengan mendapat minimum gred C. Pelajar yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan sahaja layak mengambil kursus bahasa asing dan tempatan di peringkat lanjutan. Berikut dilampirkan senarai kursus bahasa Arab yang boleh diambil bagi semua fakulti kecuali Fakulti Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, bagi program hubungan antarabangsa (HA15) dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Kod	Kursus	Jam Kredit
------------	---------------	-------------------

UA00102	Bahasa Arab Tahap I	2
UA00202	Bahasa Arab Tahap II	2
UA00302	Bahasa Arab Tahap III	2
UA00402	Bahasa Arab Lanjutan I	2
UA00502	Bahasa Arab Lanjutan II	2
UA00602	Bahasa Arab Lanjutan III	2

Jadual 1 Kursus bahasa Arab asas dan lanjutan

Sumber: <http://www.ums.edu.my/ppib>

Kursus bahasa Arab minor hanya ditawarkan kepada pelajar Program Hubungan Antarabangsa (HA15), Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.

Kod	Kursus	Jam Kredit
UZ01904	Bahasa Arab Minor I	4
UZ02004	Bahasa Arab Minor II	4
UZ02104	Bahasa Arab Minor III	4
UZ02203	Bahasa Arab Minor IV	3

Jadual 2 Kursus bahasa Arab minor

Sumber: <http://www.ums.edu.my/ppib>

Manakala, kursus Bahasa Arab bagi peringkat Asas ditawarkan bagi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Kod	Kursus	Jam Kredit
UA00102	Bahasa Arab Tahap I	2
UA00202	Bahasa Arab Tahap II	2
UA00302	Bahasa Arab Tahap III	2

Jadual 3 Kursus bahasa Arab asas

Sumber: <http://www.ums.edu.my/ppib>

PERBINCANGAN

Berdasarkan jadual-jadual yang dilampirkan, penawaran kursus bahasa Arab bagi pelajar program prasiswazah peringkat asas adalah sama tetapi dalam kod yang berbeza. Penggunaan bahan asas pengajaran seperti buku teks juga adalah sama bagi kursus bahasa Arab peringkat asas walaupun kod kursus yang ditawarkan berbeza.

Manakala, buku teks bahasa Arab yang digunakan bagi pelajar peringkat lanjutan untuk mempelajari bahasa Arab adalah pada aras yang lebih tinggi berbanding buku teks bahasa Arab peringkat asas. Lazimnya, pelajar yang mendaftar kursus bahasa Arab bagi peringkat asas terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan agama. Pelajar yang mendaftar kursus bahasa Arab ada kalanya sudah mempunyai pengetahuan dalam bahasa Arab sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Pengetahuan bahasa Arab biasanya telah sedia ada dalam kalangan pelajar yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, wujud juga dalam kalangan pelajar yang langsung tidak mempunyai asas dan pengetahuan dalam bahasa Arab. Kajian Saini & Mohammad (2011) menunjukkan bahawa pelajar yang mendaftar kursus bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa terdiri daripada pelbagai etnik kaum seperti India, Kadazan Dusun, Melanau, Rungus dan sebagainya. Mereka terdiri dalam kalangan pelajar yang bukan beragama Islam dan tidak pernah didedahkan langsung mengenai aspek bahasa Arab. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi golongan ini dimulakan pada peringkat awal dengan memfokuskan kepada mengenal huruf-huruf hijaiyyah, sistem bunyi dan tulisannya.

Pusat Penataran Ilmu bahasa adalah satu-satunya pusat di Universiti Malaysia Sabah yang menawarkan kursus bahasa Arab sebagai kursus elektif bahasa asing. Penawaran kursus bahasa asing adalah terbuka kepada pelajar daripada pelbagai bidang aliran pengajian dan memenuhi syarat kelayakan. Pelajar yang telah mengambil kursus bahasa Arab sebagai pilihan bahasa asing hendaklah menamatkan kursus bahasa Arab dalam tiga tahap dan lulus bagi setiap tahap. Berbeza situasinya dengan pelajar yang mendaftar bagi kursus bahasa Arab minor. Mereka perlu menghabiskan kursus bahasa Arab dalam 4 tahap. Bagi pelajar yang gagal dalam kursus bahasa Arab sama ada di tahap pertama, kedua atau ketiga, pelajar tidak dibenarkan mengikuti tahap seterusnya sehingga lulus dalam peperiksaan (Saini 2010). Ini bermakna pelajar bukan sahaja perlu mengulang kertas kursus bahasa Arab yang gagal tetapi perlu menghadiri kelas atau kuliah dan wajib menyelesaikan tugas yang diberikan meskipun pelajar tersebut telah berbuat demikian pada semester yang sebelumnya.

Memandangkan kursus bahasa Asing ditawarkan secara elektif atau pilihan. Pelajar-pelajar prasiswazah diberi keutamaan untuk memilih kursus bahasa yang mereka minati sekiranya ada kekosongan. Kursus-kursus bahasa asing ini dapat menyediakan landasan yang kukuh bagi pelajar UMS untuk menerokai alam pengajian lanjutan dan juga pasaran pekerjaan antarabangsa (Qasim 2005). Penawaran kursus bahasa asing di universiti bersesuaian dengan keperluan semasa dalam era globalisasi masa kini.

KESIMPULAN

Secara umumnya, pengajian bahasa Arab di Sabah berkembang dari peringkat yang rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi di sekolah menengah dan universiti. Kursus bahasa Arab yang ditawarkan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa merupakan usaha murni dalam memperkenalkan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar Islam. Kepelbagaian suku kaum dan agama dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa Universiti Malaysia Sabah bukanlah suatu halangan untuk mempelajari keunikan dan keindahan bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini mencadangkan suatu kajian dilakukan untuk melihat halangan dan cabaran pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Islam di Malaysia. Dapatan kajian yang akan dijalankan diharap dapat membantu pendidik untuk menambah baik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan membantu pelajar memahami bahasa Arab dengan lebih mudah.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana FRGS/1/2016/SS109/UKM/02/7. Terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Mohad, Kasim Mansur & Roz Aiza Mokhtar. 2016. Dakwah Islam di Sabah, Malaysia: Satu eksplorasi awal. *Journal of Islamic Studies in Indonesia dan Sout East Asia* 1(2): 151-166.
- Andreas Totu. 2010. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa: Pengalaman dan cabaran. *MALIM - SEA Journal of General Studies* II: 99-115.
- Anon. t.th. *Prospektus UMS 2018/2019*. <http://www.ums.edu.my>.
- Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. 2018. Gugusan bahasa asing dan tempatan. *Laman Web Rasmi Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah*. <http://www.ums.edu.my/ppib/ms/akademik/prasiswazah/struktur-kursus/gbat> [21 September 2018].
- Qasim Ahmad. 2005. UMS di Ambang ke-21. Dlm. Ahmat Adam (pnyt.). *Kenang-kenangan Sepuluh Tahun Universiti Malaysia Sabah*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Saini Ag. Damit. 2010. Penyediaan dan Penilaian Modul Asas Bahasa Arab untuk Pelajar Universiti. Tesis Dok. Fal. Universiti Malaya.
- Saini Ag. Damit & Mohammad Seman. 2011. Pembelajaran bahasa Arab di Universiti Malaysia Sabah: Persepsi pelajar bukan Islam. *Jurnal Bahasa Jendela Alam Volume 6*: 864-879.
- Saini Ag. Damit. 2013. *Asas Bahasa Arab 1*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saini Ag. Damit. 2017. *Asas Bahasa Arab 2*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Suhaila Zailani @ Ahmad & Nur Afifah Fadzil. 2014. Penggunaan Modul dan Buku Bahasa Arab untuk Orang Awam. *Jurnal al-Hikmah Volume 6(2)*: 65-77.